

Ucapan

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH
BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

Dibacakan oleh:

**YB DATUK ROSNAH ABDUL RASHID SHIRLIN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**



**PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA
20 NOVEMBER 2015**



BAJET 2016

“Mensejahterakan Kehidupan Rakyat”



Antara projek-projek berimpak tinggi :

**Cyber City
Center**
(RM11 bilion)

**Bandar KLIA
Aeropolis**
(RM7 bilion)

MRT II
Sg Buloh – Serdang –
Putrajaya

LRT3
Bandar Utama, Damansara
ke Johan Setia, Klang





...pelaksanaan projek-projek baru yang akan dimulakan pada tahun 2016...

- Lebuhraya Damansara – Shah Alam (**DASH**),
- Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Klang (**SUKE**),
- Lebuhraya Pulau Indah
- Central Spine Road (**CSR**)
- **RM900 juta** bagi Projek Penyuraian Jalan Tun Razak
- **RM200 juta** untuk menaiktarafkan jalan-jalan di kawasan FELDA
- **RM200 juta** untuk menaiktarafkan jalan-jalan di kawasan FELDA,
- **RM1.4 bilion** bagi membina serta naik taraf jalan-jalan luar bandar sepanjang 700km
- Lebuhraya Pan Borneo



Jumlah
Peruntukan KKR: **RM5.776billion**

RM2.703 bilion
(46.8%)

DE

- meningkatkan **jaringan jalan-jalan** utama yang lebih selamat dan selesa,
- melaksanakan program **membina dan menaik taraf** jalan dan jambatan,
- membina **jejambat** bertingkat,
- membaik pulih **cerun**
- mengurangkan risiko kemalangan di kawasan titik hitam atau '**blackspots**'

RM2.223 bilion
(38.5%)

OE

- pembayaran **gaji dan emolumen**
- bekalan dan perkhidmatan
- menyelenggara jalan-jalan persekutuan, bangunan guna sama persekutuan dan cerun.


RM850j
(14.7%)

GSL

pembinaan
projek lebuhraya baru



BANJIR LUMPUR LEBUHRAYA KARAK



Aliran trafik masih ditutup akibat kejadian tanah runtuh di Kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak arah Bukit Tinggi, semalam. (FOTO SAJE RAZALI BH)

Ratusan pengguna tersekat, jalan lama KL-Bentong ditutup

Bentong: Ratusan pengguna jalan raya menghala ke arah Pantai Timur terpaksa berpatah balik dan membatalkan urusan masing-masing, apabila jalan lama Kuala Lumpur-Bentong yang boleh dijadikan laluan pilihan ditutup.

Susulan tanah runtuh di Kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, kelmarin, laluan utama itu terpaksa ditutup kepada orang awam bagi kerja pembersihan, sekali gus memaksa pengguna jalan raya menggunakan alternatif jalan lama itu.

Bagaimanapun, laluan alternatif itu terpaksa ditutup apabila berlaku sekurang-kurangnya tujuh runtuhan kecil di sepanjang laluan berkenaan yang membahayakan keselamatan pengguna.

Difahamkan, pihak berkuasa mula menyedari keadaan di jalan itu awal pagi semalam sebelum menutup laluan itu bermula di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Tinggi sehingga Bentong sejauh kira-kira 30 kilometer.

Runtuhan kecil, pokok tumbang
Tinjauan Bf di jalan itu mendapati beberapa runtuhan kecil serta pokok tumbang, boleh membahayakan keselamatan pengguna dan keadaan berkemungkinan bertambah teruk sekiranya kawasan itu

menerima jumlah hujan yang tinggi.

Ada antara runtuhan itu yang menutup hampir separuh jalan, serta ada pohon yang tersangkut pada akar pokok lain dan berkemungkinan tinggi tumbang di atas jalan raya pada bila-bila masa.

Bagaimanapun, pihak berkuasa masih membenarkan pekerja kilang di kawasan laluan itu menggunakan jalan berkenaan.

Sementara itu, Stesen Meteorologi Felda Kampung Sertik, Bentong merekodkan cerapan cuaca lembap di daerah Bentong beberapa hari sebelum kejadian tanah runtuh di Kilometer 52.4 berhampiran susur keluar Lentang-Bukit Tinggi yang berlaku kelmarin.

“Hujan yang dicerap di stesen berkenaan berlaku pada jam 8 hingga 11 malam kerana hujan tidak berlaku sebelumnya”

METMalaysia

Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menjelaskan kekejapan hujan berlaku setiap hari sejak awal bulan ini menyebabkan tanah terbasahi dan mengakibatkan kejadian menjadi lambat berikutan peningkatan kandungan wap air.

Cerap awan kumulonimbus
Menurut METMalaysia, berdasarkan penceraian radar meteorologi, awan hujan atau awan kumulonimbus dicerap di daerah berkenaan bermula jam 5 petang dan intensiti awan hujan meningkat sekitar jam 5.30 petang yang berlanjutan jam 9 malam.

“METMalaysia tidak mempunyai stesen penceraian berhampiran dengan kawasan kejadian tanah runtuh. Stesen meteorologi yang paling hampir dengan tempat kejadian adalah Stesen Meteorologi Felda Kg Sertik, Bentong yang jauhnya 35 kilometer.”

“Stesen itu yang merekodkan jumlah hujan pada 11 November (kelmarin) sebanyak 42.4 milimeter (mm). Bagaimanapun hujan yang dicerap di stesen berkenaan berlaku pada jam 8 hingga 11 malam kerana hujan tidak berlaku sebelumnya,” kata METMalaysia yang menjelaskan taburan hujan sebanyak 42.4 mm itu adalah pada kadar biasa.

Kejadian tanah runtuh di Kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak



Penghargaan & Tahniah



Petugas/ Pasukan :

Bilik Gerakan Bencana KKR/JKR

Pusat Pengurusan Trafik (TMC) LLM

Media Sosial KKR



PENYELARASAN KADAR TOL



Pada 15 Oktober 2015 - **18 lebuhraya bertol** telah melaksanakan penyesuaian kadar tol baru kepada pengguna lebuhraya.



PENYELARASAN KADAR TOL 2015

Kerajaan perkenal terma baharu perjanjian konsesi tol

UM 18/11/2015 M/S 16

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Kerajaan telah memperkenalkan terma baharu dalam perjanjian konsesi lebuhraya generasi baharu termasuk terma yang membolehkan kerajaan menamatkan perjanjian lebih awal,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, penamatan perjanjian konsesi itu boleh dilakukan jika syarikat tersebut telah mendapat pulangan melebihi daripada unjuran pendapatan yang dibuat.

“Sebelum ini memang kita tidak ada ketetapan mengenai pulangan tetapi sekiranya aliran trafik (lebuhraya) melebihi unjuran dan mencapai pulangan melebihi kadar ditetapkan, maka kita akan mengurangkan tempoh konsesi itu.

“Ini merupakan ciri-ciri terbaharu melibatkan perjanjian konsesi tol generasi baharu,” katanya menjawab soalan **Datuk Fauzi Abdul Rahman (PKR-Indera Mahkota)** sama ada kerajaan sedia mengkaji projek penswastan dalam Sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Abdul Wahid berkata, kerajaan tidak boleh meminda terma dalam perjanjian konsesi sebelum ini tanpa persetujuan daripada syarikat konsesi lebuhraya.

Bagaimanapun katanya, kerajaan akan berunding dengan syarikat konsesi tol dari semasa ke se-



ABDUL WAHID OMAR

masa berkenaan kadar tol.

“Semua terma perjanjian konsesi telah ditetapkan sebelum syarikat konsesi membina lebuhraya tersebut. Antara terma yang telah dipersetujui ialah kadar tol yang dikenakan dan dinaikkan dari semasa ke semasa mengikut jadual berdasarkan unjuran

trafik.

“Namun, kita akan berunding untuk memberi pulangan secara berlainan kepada mereka antaranya seperti memanjangkan tempoh konsesi kepada syarikat tol tersebut dan lain-lain,” katanya.

1. Dasar Penswastan Lebuhraya Bertol telah mula dilaksanakan di negara kita pada awal 1980-an di mana objektif utamanya adalah untuk menggalakkan penglibatan syarikat-syarikat swasta dalam membangunkan bidang infrastruktur negara. Di samping itu, dasar penswastan ini juga akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dan mencapai matlamat serta dasar ekonomi negara.

2. Pembangunan lebuhraya adalah menggunakan konsep Pembiayaan Swasta atau pun lebih dikenali sebagai *Private Funding Initiative* (PFI). Melalui konsep ini, pembangunan lebuhraya dibiayai oleh syarikat konsesi sama ada melalui pinjaman komersial atau sukuk.

3. Memandangkan pembangunan lebuhraya dibiayai oleh syarikat konsesi, kadar tol perlu dikenakan kepada pengguna untuk membolehkan syarikat tersebut menyenggara lebuhraya tersebut untuk kesesuaian dan keselamatan para pengguna. Dalam hal ini, kadar tol yang dikenakan adalah berdasarkan *user pay* di mana kadar tol dibayar adalah mengikut jarak perjalanan pengguna. Dalam hal ini juga, kadar tol yang ditetapkan di sesuatu lebuhraya mengambil kira kos pembiayaan, kos operasi dan penyenggaraan serta kemampuan pengguna. Kerajaan tidak mahu membebankan rakyat dengan kadar tol yang tinggi dan oleh kerana itu, kadar tol yang dikenakan akan mengalami *gradual increment* sepanjang tempoh konsesi yang ditetapkan.

4. Kerajaan juga telah menangguhkan kenaikan kadar tol di lebuhraya-lebuhraya yang layak mendapat kenaikan tol sejak tahun 2008 sebagai salah satu inisiatif untuk mengurangkan beban kewangan rakyat. Oleh itu, Kerajaan telah membayar pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi yang terlibat sebagai mana yang diperuntukkan dalam Perjanjian Konsesi. Jumlah pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan dari tahun 2008 hingga 2013 adalah sebanyak RM1,108.91 juta manakala bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM402.99 juta.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia
☎ : 03-8000 8000 / D.L. 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101
Laman Web : www.kkr.gov.my | 📘 : Kementerian Kerja Raya | 🐦 : @MOWorks | ✉ : Pro@kkr.gov.my

KEMALANGAN DI LPT 2

Punca kemalangan:

70%
Faktor manusia

19%
Faktor persekitaran

- memandu melebihi had laju
- memandu dalam keadaan mengantuk
- cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan

Kelajuan punca utama kemalangan – Fadillah

UM 13/11/15 MJS U

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**
utusan@utusan.com.my

■ BENTONG 12 NOV.

MEMANDU laju kekal menjadi faktor utama kemalangan jalan raya termasuk di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) di sini, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Bagaimanapun, kata beliau, pihaknya turut melihat kepada faktor teknikal termasuk mendapan dalam usaha mencari kaedah mengurangkan kemalangan jalan raya di negara ini.

“Laporan Jabatan Keselamatan Jalan Raya mengatakan kelajuan sebenarnya menjadi punca kemalangan walaupun ada mendapan. Tetapi bukan mendapan itu menjadi faktor utama,” katanya dalam sidang akhbar selepas meninjau kawasan banjir lumpur di Kilometer 52.5 Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan, lebih separuh daripada LPT2 dibina di atas tanah lembut menyebabkan permukaan lebuhraya sepanjang 184 kilometer itu sentiasa beralun sekali gus menjadi antara punca utama kemala-

ngan kerap berlaku.

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Ir. Ismail Md. Salleh dilaporkan berkata, faktor tersebut menyebabkan berlakunya mendapan kepada struktur lebuhraya tersebut terutama di bahagian jambatan justeru memerlukan pembaikan yang kerap.

Namun katanya, keadaan itu telah lama dikesan dan tindakan



FADILLAH YUSOF

segera dengan menu-rap di kawasan terlibat supaya kembali rata sentiasa dilakukan.

Sementara itu, Fadillah berkata, pihaknya masih menunggu laporan daripada juru-audit bebas sebelum membuat sebarang keputusan dalam isu teknikal itu.

“Kami menjangka-kan laporan berkenaan akan siap dan dihantar kepada kementerian dalam tempoh se-minggu lagi,” katanya.



Tindakan



meningkatkan kekerapan rondaan

membaik pulih pagar rezab lebuhraya yang rosak

memasang Gegelung Dawai Berduri (Barbed Wire)

bekerjasama dengan agensi/ jabatan yang berkaitan

mengedarkan risalah kesedaran berkenaan pemantauan haiwan ternakan kepada penduduk sekitar di sepanjang LPT2

pemasangan papan tanda amaran di lokasi kerap berlakunya pencerobohan haiwan



SIMPOSIUM KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BAHAN BINAAN BUMIPUTERA

3 - 4 November 2015 @ Shah Alam Convention Center (SACC).



SIMPOSIUM KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BAHAN BINAAN BUMIPUTERA

3 - 4 November 2015 @ Shah Alam Convention Center (SACC).



- Majlis pelancaran 'Blue Pages' usahawan bahan binaan Bumiputera oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara
- 'Blue Pages' - mempromosikan produk keluaran usahawan Bumiputera



Malam Pengiktirafan Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi (KBBT)

22 orang penerima -kontraktor gred G7 Bumiputera berprestasi tinggi



MALAM PENGHARGAAN MEDIA 2015

+Kuching
+Kuala Lumpur
+Kota Kinabalu



3 anugerah yang diperkenalkan

Anugerah Media Cetak,

Anugerah Media Elektronik

Anugerah Fotografi



Perhimpunan Bulanan KKR 2015

“journalist is a grumbler, a censurer, a giver of advice, a regent of sovereigns, a tutor of nations. Four hostile newspapers are more to be feared than a thousand bayonets”

Napoleon Bonaparte



PERSEDIAAN MENGHADAPI BENCANA BANJIR

“banjir merupakan bencana alam yang ke tiga besar yang telah banyak mengorbankan nyawa dan kerosakan harta benda” - **Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO)**



Bilik Gerakan Bencana JKR Malaysia



PROGRAM LEADERSHIP @ THE PEAK



12-13 November 2015

Pacific Sutera Harbour Kota Kinabalu



FOKUS



Pengurusan kontrak

Pengurusan risiko

Meneliti semula SOP

Aliran kerja berpaksikan norma “*sense of urgency*”





Ministry of Works

“Towards the people’s prosperity”

Ucapan
YB DATO’ SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Kerja Raya Malaysia

Perhimpunan Bulanan KKR 2015
20 November 2015